

## Kerelevanan Pasar Awam Basah Terhadap Pengguna di Lembah Klang: Analisis NVIVO

*(The Relevance of Public Wet Markets to Consumers in Klang Valley: NVIVO Analysis)*

**Muhammad Izrin Mazlan**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Norain Mod Asri**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Adlin Nur Sofiya**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Azrina Abdullah Al-Hadi**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Norshamliza Chamhuri**  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penentu mikroekonomi dan institusi yang mendasari ketegaran permintaan terhadap Pasar Awam Basah (PAB) di Lembah Klang berlandaskan kerangka integratif Teori Nilai Pengguna atau Theory of Consumption Value (TCV) dan Ekonomi Institusi Baru atau New Institutional Economics (NIE). Kajian menggunakan pendekatan kualitatif rigor melalui temu bual mendalam yang melibatkan seramai 34 orang informan di lapan lokasi strategik. Data dianalisis menggunakan perisian NVivo 14 bagi memetakan frekuensi respons sebagai proksi pemberatan utiliti. Dapatan empirikal mengesahkan kewujudan "Model Kerelevanan Berkembar" yang memperlihatkan kelestarian PAB dipacu oleh sinergi antara Nilai Fungsian Teras (harga dan kesegaran) serta Nilai Sosial Transaksional (modal sosial). Interaksi sosial didapati berfungsi sebagai mekanisme ekonomi yang mengurangkan kos transaksi dan mengurangkan asimetri maklumat. Walau bagaimanapun, kelemahan sanitasi dikenal pasti sebagai kegagalan penyediaan barang awam yang bertindak sebagai faktor penyusut utiliti pengguna. Kajian mencadangkan anjakan paradigma tatakelola Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menerusi strategi Smart-Hygiene dan pengurusan kolaboratif berasaskan komuniti, selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI bagi memperkasa perusahaan mikro dan menjamin sekuriti makanan negara. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara mendalam penentu mikroekonomi dan institusi yang mendasari ketegaran permintaan terhadap Pasar Awam Basah (PAB) di Lembah Klang bagi mendepani dominasi pasar raya moden. Berlandaskan kerangka integratif Teori Nilai Pengguna (TCV) dan Ekonomi Institusi Baru (NIE), kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif rigor menerusi temu bual mendalam yang melibatkan seramai 34 orang informan di lapan lokasi strategik. Analisis data menggunakan perisian NVivo 14 mengesahkan kewujudan "Model Kerelevanan Berkembar" yang menunjukkan bahawa kelestarian PAB dipacu oleh sinergi antara Nilai Fungsian Teras, iaitu harga dan kesegaran dengan Nilai Sosial Transaksional yang merangkumi modal sosial dan kontrak hubungan. Interaksi sosial di PAB didapati berfungsi sebagai mekanisme ekonomi efektif bagi mengurangkan kos transaksi dan mengurangkan risiko asimetri maklumat, walaupun kelemahan sanitasi dikenal pasti sebagai kegagalan penyediaan barang awam yang menyusutkan utiliti pengguna. Justeru, kajian mencadangkan anjakan paradigma tatakelola Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), iaitu daripada pendekatan konvensional kepada strategi Smart-Hygiene dan pengurusan kolaboratif berasaskan komuniti, selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI untuk memperkasa perusahaan mikro dan menjamin sekuriti makanan negara.*

*Kata Kunci: Ekonomi institusi; pasar awam basah; modal sosial; kos transaksi; asimetri maklumat.*

### ABSTRACT

*study investigates the microeconomic and institutional determinants underlying the demand rigidity for Public Wet Markets (PAB) in the Klang Valley amidst the dominance of modern supermarkets. Grounded in an integrative framework of the Theory of Consumption Value (TCV) and New Institutional Economics (NIE), the research employs a rigorous qualitative approach involving in-depth interviews with 34 purposively selected informants across eight strategic locations. Data were analyzed using NVivo 14 software to map response frequencies as a proxy for utility saliency. The analysis confirms the existence of a "Dual Relevance Model," where PAB sustainability is driven by the synergy between Core Functional Value (price elasticity and product freshness) and Transactional Social Value (social capital and relational contracts). Social interactions are found to function as economic mechanisms that reduce transaction costs and mitigate information*

*asymmetry, although sanitation deficiencies are identified as significant utility-discounting factors. The findings advocate for a paradigm shift in Local Authority (PBT) governance toward "Smart-Hygiene" strategies and community-based collaborative management, aligning with MADANI Economy aspirations to empower micro-enterprises and safeguard national food security. This study investigates the microeconomic and institutional determinants underlying the demand rigidity for Public Wet Markets (PAB) in the Klang Valley amidst the dominance of modern supermarkets. Grounded in an integrative framework of the Theory of Consumption Value (TCV) and New Institutional Economics (NIE), the research employs a rigorous qualitative approach involving in-depth interviews with 34 purposively selected informants across eight strategic locations. Data analysis using NVivo 14 confirms the existence of a "Dual Relevance Model," where PAB sustainability is driven by the synergy between Core Functional Value (price elasticity and product freshness) and Transactional Social Value (social capital and relational contracts). The study demonstrates that social interactions function as economic mechanisms that reduce transaction costs and mitigate information asymmetry, although sanitation deficiencies act as utility-discounting factors. Consequently, the findings advocate for a paradigm shift in Local Authority (PBT) governance toward "Smart-Hygiene" strategies and community-based collaborative management, aligning with MADANI Economy aspirations to empower micro-enterprises and safeguard national food security.*

*Keywords: Institutional economics; wet markets; social capital; transaction costs; information asymmetry.*

JEL: D12, R20, L81, O17

Received 10 January 2025; Revised 30 January 2026; Accepted 30 April 2026; Available online 13 May 2026

## PENGENALAN

### LATAR BELAKANG EKONOMI: DUALISME DALAM SEKTOR PERUNCITAN NEGARA

Sektor peruncitan makanan di Malaysia, khususnya di wilayah metropolitan Lembah Klang mencerminkan satu bentuk dualisme ekonomi yang unik. Wujud pertumbuhan pesat pasar raya besar (hypermarkets), pasar raya premium dan kedai serbaneka yang mewakili pemodenan rantaian bekalan, skala ekonomi (economies of scale) dan efisiensi logistik. Terdapat juga Pasar Awam Basah (PAB), iaitu sebuah institusi ekonomi tradisional yang sering dikaitkan dengan masalah ketidakcekapan, persekitaran yang kurang kondusif dan struktur pengurusan yang tidak formal, tetapi terus kekal berdaya saing dan relevan. Fenomena ini mencabar postulat *supermarketization thesis* yang dipelopori oleh Goldman et al. (1999) yang meramalkan kepupusan berperingkat format peruncitan tradisional seiring dengan peningkatan pendapatan per kapita dan urbanisasi.

Pasar basah bukan sekadar lokasi transaksi jual beli. Ia merupakan institusi mikroekonomi yang memainkan peranan kritikal bagi menjamin sekuriti makanan dan kestabilan harga bagi isi rumah bandar, terutamanya golongan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40). Menerusi konteks ekonomi awam, PAB berfungsi sebagai mekanisme penemuan harga (price discovery mechanism) yang telus melalui interaksi langsung penawaran dan permintaan, berbeza dengan struktur harga tegar (rigid pricing) yang berlaku di pasar raya moden. Namun begitu, di sebalik kepentingan ekonominya, PAB sering dipinggirkan dalam wacana perancangan bandar moden. Ia dilihat sebagai entiti yang kotor, basah dan berbahaya yang perlu dibersihkan atau dipindahkan demi keindahan bandar raya global.

### PERNYATAAN MASALAH: PARADOKS UTILITI DAN KETEGARAN PERMINTAAN

Masalah ekonomi utama yang diketengahkan dalam kajian ini ialah "Paradoks Utiliti Pasar Basah". Secara rasional, berdasarkan teori utiliti neoklasik, pengguna sepatutnya memaksimumkan utiliti dengan memilih persekitaran membeli-belah yang bersih, selesa dan selamat dan ia merupakan ciri-ciri yang ditawarkan oleh pasar raya moden. Data literatur menunjukkan PAB menghadapi cabaran kredibiliti yang serius berkaitan kebersihan, keselamatan makanan (risiko patogen) dan infrastruktur usang.

Namun demikian, bukti empirikal menunjukkan permintaan terhadap PAB kekal tegar. Persoalannya, apakah komponen fungsi utiliti yang mendorong gelagat ini? Adakah semata-mata faktor harga (Nilai Fungsian) yang memaksa pengguna berkompromi dengan keselesaan atau wujudkah nilai bukan monetari seperti modal sosial dan kepercayaan yang berfungsi mengurangkan kos transaksi dan risiko asimetri maklumat?

### OBJEKTIF KAJIAN DAN SKOP ANALISIS

Kajian ini bertujuan mengisi jurang literatur dengan mencerminkan struktur nilai pengguna PAB melalui analisis empirikal yang mendalam menggunakan kerangka integratif Teori Nilai Pengguna (TCV) dan Ekonomi Institusi Baru (NIE). Secara spesifik, kajian ini menilai bagaimana interaksi sosial di pasar berfungsi sebagai mekanisme ekonomi yang efisien dan bagaimana kegagalan penyediaan barang awam (kebersihan) mempengaruhi kelestarian institusi ini.

## KAJIAN LEPAS DAN KERANGKA TEORI

Bahagian ini mencerakinkan landasan teoritikal kajian dan menganalisis literatur empirikal terdahulu bagi memetakan struktur utiliti yang mempengaruhi ketegaran permintaan terhadap Pasar Awam Basah (PAB). Perbincangan disusun mengikut integrasi perspektif Ekonomi Pembangunan, Ekonomi Institusi Baru (NIE) dan Teori Nilai Pengguna (TCV).

### TEORI PEMODENAN VS REALITI ASIA: PERDEBATAN STRUKTUR PASARAN

Literatur ekonomi peruncitan di negara membangun sering didominasi oleh *supermarketization thesis* yang menjangkakan peralihan linear, iaitu daripada pasar tradisional kepada pasar raya moden. Ia didorong oleh peningkatan kos lepas masa (opportunity cost of time) dan kesedaran sanitasi. Konflik antara format ini sering dilihat sebagai mainan campur-tolak (zero-sum game), iaitu pasar raya akhirnya akan menyingkirkan pasar basah (Anku & Ahorbo 2017).

Walau bagaimanapun, bukti empirikal di Asia Timur dan Asia Tenggara mencabar postulat ini. Kajian di China oleh Zhong et al. (2020) dan Goldman et al. (1999) mendapati bahawa PAB bukan sahaja bertahan tetapi mengalami kebangkitan semula kerana kecekapan rantaian bekalan segar yang tidak dapat ditandingi oleh pasar raya. Di Malaysia, Chamhuri dan Batt (2013) mengesahkan wujudnya pasaran bersegi (segmented market) yang memperlihatkan PAB mengekalkan kelebihan kompetitif mutlak dalam kategori barangan segar (fresh produce), manakala pasar raya mendominasi barangan yang telah diproses. Ini menunjukkan bahawa bagi pengguna Malaysia, kedua-dua format ini ialah pelengkap (complements) dan bukan pengganti sempurna.

### INTEGRASI TEORI EKONOMI: NIE DAN TCV

Untuk menjelaskan sebab pengguna rasional masih memilih PAB walaupun wujud alternatif moden, kajian ini menggabungkan dua kerangka teori utama:

#### EKONOMI INSTITUSI BARU (NIE): KOS TRANSAKSI DAN ASIMETRI MAKLUMAT

Kajian ini mengadaptasi perspektif Ekonomi Institusi Baru (NIE) untuk memahami fungsi pasar sebagai sebuah institusi. Menerusi pasaran makanan segar, wujud masalah asimetri maklumat (information asymmetry) yang ketara, iaitu peniaga mengetahui kualiti sebenar produk seperti kesegaran ikan, manakala pembeli tidak tahu (Akerlof 1970).

Di PAB, kajian mencadangkan bahawa asimetri maklumat ini diselesaikan melalui Kontrak Hubungan (Relational Contracts). Hubungan berulang antara peniaga dengan pembeli dilihat dapat membina modal sosial (kepercayaan) yang bertindak sebagai mekanisme penguatkuasaan tidak formal untuk meneliti aspek kualiti. Ini secara langsung mengurangkan kos transaksi (transaction costs) bagi pengguna, iaitu kos pencarian (search costs) dan kos pengukuran (measurement costs) kualiti produk yang dilihat mungkin lebih tinggi di pasar raya, iaitu interaksi sosial berada pada tahap minimum.

#### TEORI NILAI PENGGUNA (TCV)

Untuk memahami rasionaliti di sebalik keputusan pengguna yang memilih persekitaran PAB yang kurang kondusif berbanding dengan pasar raya, kajian ini mengadaptasi Teori Nilai Pengguna (TCV) yang diperkenalkan oleh Sheth et al. (1991). TCV ialah kerangka multidimensi yang memecahkan konsep abstrak utiliti kepada komponen yang boleh diukur. Relevansi teori ini terus diperkukuh menerusi kajian gelagat pengguna terkini yang dijalankan oleh Tanrikulu (2021). Kajian tersebut menghujahkan bahawa keputusan pasaran merupakan fungsi komposit pelbagai nilai.

Fungsi Utiliti Pengguna PAB ( $U_{PAB}$ ) boleh dimodelkan sebagai:

$$U_{PAB} = f(V_F, V_S, V_E, V_{EP}, V_C)$$

Di mana:

- $V_F$ : Nilai Fungsian (Harga, Kualiti)
- $V_S$ : Nilai Sosial (Interaksi, Modal Sosial)
- $V_E$ : Nilai Emosi (Nostalgia, Pengalaman)
- $V_{EP}$ : Nilai Epistemik (Kebaharuan, Kepelbagaian)
- $V_C$ : Nilai Kondisional (Infrastruktur, Lokasi)

#### NILAI FUNGSIAN: HARGA, KESEGARAN DAN PERSEPSI RISIKO

Menerusi konteks ekonomi, Nilai Fungsian merupakan pemacu utama bagi pengguna rasional (homo economicus). Gindi et al. (2016) mendapati bahawa harga yang kompetitif ialah penentu utama bagi kohort generasi yang berbeza di Malaysia

untuk memilih pasar basah. Sensitiviti harga ini diperkukuh oleh mekanisme tawar-menawar. Sharif et al. (2015) menjelaskan bahawa ia dapat memberikan nilai ekonomi tambahan kepada isi rumah untuk mengurus kos sara hidup.

Selain harga, atribut kesegaran merupakan penentu kualiti yang kritikal. Chamhuri dan Batt (2015) serta Gorton et al. (2011) mendapati bahawa pengguna di Asia mempunyai persepsi bahawa daging dan sayur di pasar raya kurang segar akibat tempoh penyimpanan sejuk beku yang lama. Walau bagaimanapun, Ha et al. (2022) menekankan bahawa pengguna kini mengamalkan pendekatan risiko-faedah (risk-benefit), iaitu keutamaan terhadap kesegaran sering ditimbang tara dengan risiko keselamatan makanan dan ia merupakan satu dinamik yang menuntut pemantauan daripada pihak berkuasa.

#### NILAI SOSIAL DAN EMOSI: MODAL SOSIAL SEBAGAI MEKANISME EKONOMI

Kekuatan unik PAB terletak kepada Nilai Sosial dan Emosi, iaitu elemen yang sering diabaikan dalam Model Ekonomi Neoklasik. Menerusi lensa Ekonomi Institusi Baru (NIE), hubungan akrab antara peniaga dengan pelanggan bukan sekadar interaksi sosial, tetapi satu bentuk Modal Sosial yang mengurangkan kos transaksi dan asimetri maklumat (Goldman et al. 1999).

Kartikasari et al. (2019) mendapati bahawa tahap kepuasan pelanggan di pasar tradisional sangat dipengaruhi oleh elemen bauran pemasaran yang melibatkan interaksi manusia. Selain itu, pasar basah berfungsi sebagai institusi warisan yang mengekalkan identiti budaya dan perasaan tempat (sense of place) (Al-Hafiz et al. 2022). Identiti ini turut dipantulkan melalui nomenklatur makanan dan budaya penjaja yang unik (Hua et al. 2023) serta peranan pasar sebagai ruang teater politik dan interaksi komuniti yang meriah (Gu & Rodd 2022).

#### NILAI KONDISIONAL: PARADOKS INFRASTRUKTUR DAN AKSESIBILITI

PAB menghadapi cabaran besar terhadap dimensi Nilai Kondisional, yang bertindak sebagai penyusut utiliti (utility discounter). Literatur saintifik secara konsisten mengaitkan pasar basah dengan risiko kesihatan. Ngan et al. (2020) dan Sekoai et al. (2020) melaporkan bahawa terdapat penemuan patogen dan tahap kebersihan permukaan yang membimbangkan di pasar basah. Mohd Qawiem et al. (2022) pula telah mengesan mengenai kehadiran parasit zoonosis di kawasan Lembah Klang. Persepsi kotor dan basah ini merupakan halangan utama bagi segmen pengguna kelas menengah (Bougoure & Lee 2009).

Namun demikian, defisit infrastruktur ini sering diimbangi oleh kelebihan lokasi. Maisarah Abdul Halim et al. (2023) dan Maisel et al. (2021) menekankan mengenai kepentingan aksesibiliti pengangkutan dan kawasan tadahan perkhidmatan (catchment area) terhadap keputusan mobiliti dalam kalangan pengguna. Keberadaan PAB di lokasi strategik kejiranan membolehkan akses mudah, walaupun pengguna terpaksa berkompromi dengan aspek kebersihan. Wibowo dan Istiqomah (2018) pula mendapati bahawa pencergasan semula (revitalization) fizikal pasar sahaja tidak mencukupi jika tidak disertai dengan perubahan pengurusan sekali gus menunjukkan kerumitan faktor kondisional ini.

#### ADAPTASI DIGITAL DAN JURANG PENYELIDIKAN

Pasaran tradisional kini berdepan dengan gelombang pendigitalan. Chung dan Al-Khaled (2021) telah menjelaskan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi niat pembelian dalam talian dalam kalangan Gen Y di Lembah Klang. Ia menandakan potensi peralihan saluran pembelian.

Walaupun bagaimanapun, wujud jurang penyelidikan yang ketara. Kebanyakan literatur sedia ada menganalisis mengenai faktor kebersihan (sains tulen) dan faktor sosial (sosiologi) secara berasingan. Belum wujud Model TCV komprehensif yang mengintegrasikan secara empirikal cara atau kaedah modal sosial berfungsi bagi meminimumkan kesan negatif risiko sanitasi dan defisit infrastruktur dalam konteks pascapandemik di Malaysia.

#### METODOLOGI

##### REKA BENTUK KAJIAN DAN JUSTIFIKASI PENDEKATAN KUALITATIF

Kajian ini mengadaptasi reka bentuk penyelidikan kualitatif yang bersifat rigor dan sistematik. Walaupun analisis ekonomi lazimnya didominasi oleh pendekatan kuantitatif, penggunaan kaedah kualitatif bersifat imperatif apabila mengkaji pemboleh ubah pendam (latent) dan tidak ketara (intangible variables) seperti kepercayaan, modal sosial dan budaya tawar-menawar. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menelusuri mekanisme penyebab (causal mechanisms) yang mendasari keputusan ekonomi dan melangkaui analisis korelasi data permukaan.

Relevansi pendekatan ini dalam kajian ekonomi tempatan telah dibuktikan menerusi penyelidikan terkini. Sebagai contoh, Uchiyama et al. (2022) menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur untuk mengkaji ketidaksamaan pasaran buruh dalam ekonomi jangka pendek. Ini menunjukkan bahawa data naratif dilihat kritikal untuk memahami kerentanan struktur yang tidak dapat ditangkap oleh statistik makro. Begitu juga tinjauan sistematik yang dijalankan oleh Mohd Ali et al. (2024) mengenai bahaya moral (moral hazard) menekankan kepentingan nuansa tingkah laku dalam analisis ekonomi institusi. Oleh itu, pendekatan kualitatif dalam kajian ini bukanlah satu kelemahan, tetapi kekuatan metodologi yang membolehkan penerokaan secara mendalam terhadap kotak hitam (black box) keputusan para pengguna.



## INSTRUMEN DAN PROSEDUR ANALISIS DATA

Data temu bual dianalisis menggunakan perisian NVivo 14. Proses analisis melibatkan tiga peringkat pengkodan: Peringkat pertama ialah *Open Coding*, iaitu untuk mengenal pasti konsep asas ekonomi seperti murah, tawar dan kotor. Peringkat kedua ialah *Axial Coding*, iaitu untuk mengelompokkan konsep kepada kategori teori seperti Kecekapan Harga, Kos Luaran dan Modal Sosial. Peringkat ketiga pula ialah *Selective Coding*, iaitu untuk membangunkan model teori akhir. Menerusi analisis ini, frekuensi kod digunakan sebagai proksi kepada ketinggian kepentingan (saliency) setiap faktor dalam fungsi utiliti pengguna. Walaupun frekuensi semata-mata bukan penentu tunggal kepentingan, dalam konteks TCV, kekerapan sesuatu atribut disebut secara spontan oleh informan sekali gus memberikan indikasi kuat mengenai pemberatan atribut tersebut dalam heuristik keputusan mereka.

### DAPATAN KAJIAN

#### PROFIL DEMOGRAFI DAN IMPLIKASI EKONOMI

Analisis profil 34 orang informan memaparkan keratan rentas pengguna PAB yang dinamik. Taburan jantina yang seimbang (17 lelaki, 17 wanita) menyanggah stereotaip bahawa pasar basah merupakan domain eksklusif wanita, sebaliknya menunjukkan perkongsian tanggungjawab ekonomi isi rumah bandar. Purata umur 38 tahun pula menolak persepsi PAB sebagai pasar warga emas. Ia membuktikan relevansi pasar dalam kalangan generasi muda serta menjamin kelestarian permintaan jangka panjang.

Dari sudut ekonomi, purata pendapatan responden ialah sebanyak RM4,088. Ia selari dengan klasifikasi pendapatan isi rumah semasa di Lembah Klang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2024). Hal ini mengesahkan kedudukan PAB sebagai institusi ekonomi yang sangat kritikal terutamanya bagi golongan B40 dan M40 yang mempunyai tahap sensitiviti harga yang tinggi. Akhirnya, purata jarak perjalanan lima kilometer menjadi indikator jelas bahawa kawasan tadahan pasaran (market catchment area) PAB kekal bersifat lokal dan kejiranan, sekali gus menekankan mengenai kepentingan aksesibiliti fizikal.

#### ANALISIS HIERARKI FAKTOR PENENTU (NVIVO FREQUENCY ANALYSIS)

Jadual 1 memaparkan dapatan empirikal utama kajian. Hierarki faktor yang mempengaruhi keputusan pembelian pengguna disusun mengikut kekerapan rujukan (frekuensi) dalam analisis NVivo. Data ini memberikan gambaran jelas tentang struktur keutamaan (preference structure) pengguna.

JADUAL 1. Hierarki faktor penentu kerelevanan Pasar Awam Basah (PAB)			
Faktor	Frekuensi	Dimensi TCV (Nilai Pengguna)	Analisis Ringkas
Harga dan senarai harga	289	Nilai Fungsian	Sensitiviti harga tinggi: Penjimatan kos sara hidup. Tawar-menawar sebagai mekanisme penemuan harga.
Sikap dan layanan peniaga	262	Nilai Sosial	Modal sosial. Kepercayaan: Pengurangan kos transaksi
Kualiti barang	214	Nilai Fungsian	Utiliti produk: Jaminan nilai.
Jenis barang	205	Nilai Epistemik/Fungsian	Ekonomi cakupan (economies of scope): Pusat sehati
Kesegaran	203	Nilai Fungsian	Kelebihan komparatif rantaian bekalan
Lokasi dan kebolehpercayaan	191	Nilai Kondisional	Kos pengangkutan & logistik.
Aplikasi teknologi	186	Nilai Kondisional/ Fungsian	Adaptasi digital: Efisiensi pembayaran
Fizikal dan keselamatan	155	Nilai Kondisional/Emosi	Kos luaran negatif (ketidakelesaan).
Kemudahan dan kebersihan	137	Nilai Kondisional/ Fungsian	Barang awam & kegagalan institusi.
Persaingan	93	Faktor Ateseden	Tekanan pasaran luar.
Pengurusan	83	Faktor Anteseden	Amalan pentadbiran pasar: keberkesanan PBT.
Tujuan	68	Nilai Fungsian	Keperluan spesifik (masak, berpuasa dan lain-lain).
Parkir	65	Nilai Kondisional	Kemudahan asas untuk pengunjung.
Kuantiti barang	63	Nilai Fungsian	Polisi pembelian borong: diskaun banyak-beli.
Pendapatan pengguna	59	Faktor Anteseden	Kemampuan beli: kaitan pendapatan dengan pola beli.
Pelbagai barangan terutama barangan tempatan (local)	57	Nilai Epistemik/Fungsian	Daya tarikan produk tempatan unik.
Penghantaran	56	Nilai Kondisional	Perkhidmatan runcit ke rumah.
Pelancongan dan aktiviti lain	46	Niali Emosi/Epistemik	Tarikan pasar (kuliner, acara sosial).
Tahap pendidikan pengguna	43	Faktor Anteseden	Kesedaran nilai: tingkah laku pembelian
Budaya dan didikan keluarga	43	Nilai Sosial	Tradisi ke pasar: warisan amalan keluarga.
Kewujudan gerai makanan	40	Nilai Kondisional/Emosi	Tarikan kemudahan makan segera (food stalls)
Masa operasi	39	Nilai Kondisional	Keupayaan membeli di luar waktu puncak.
Penjimatan	35	Nilai Fungsian	Amalan berjimat (promosi, diskaun)

Pemantauan oleh pegawai Kementerian	25	Nilai Fungsian	Kualiti diawasi: jaminan piawaian keselamatan
Tempat sosial	14	Nilai Sosial	Ruang interaksi komuniti: elemen rekreasi

(Sumber: Analisis Data Primer, 2025)

Analisis data kualitatif terhadap 34 orang informan mendedahkan bahawa satu struktur utiliti yang kompleks, iaitu keputusan pengguna didorong oleh interaksi dinamik antara insentif ekonomi (harga/kualiti), modal sosial, dan kerangka institusi. Dapatan ini mencabar pandangan konvensional, iaitu Pasar Awam Basah (PAB) hanyalah peninggalan ekonomi tradisional, sebaliknya membuktikan bahawa ia merupakan entiti ekonomi yang berfungsi dengan cekap melalui mekanisme pasaran yang unik.

JADUAL 2. Ekstrak responden: Faktor frekuensi tertinggi

Faktor & frekuensi (NVivo)	Ekstrak responden (verbatim)	Analisis ringkas ekonomi (Lensa TCV/NIE)
1. Harga & senarai harga (289)	"Harga di sini lebih murah berbanding dengan pasar raya kerana mudah untuk tawar-menawar." — Priya (45), Analisis Kewangan	Menunjukkan mekanisme penemuan harga (price discovery) yang fleksibel untuk memaksimumkan lebihan pengguna (consumer surplus).
2. Sikap & layanan peniaga (262)	"Peniaga layan baik bila kenal, panggil nama seperti Uncle Wong. Harga pun diberi lebih murah sebab pelanggan tetap." — Azizah (24), Pembantu Chef	Manifestasi kontrak hubungan (relational contract) yang mengurangkan kos transaksi dan membina modal sosial (kepercayaan).
3. Kualiti barang (214)	"Saya ke pasar basah kerana barang segar cepat habis dan akan direstock esoknya." — Faizal (54), Pemandu Teksi	Proses pengesanan kualiti yang mengurangkan asimetri maklumat dan risiko pemilihan sakal (adverse selection) (pembelian barang rosak).
4. Jenis barang (205)	"Saya suka pasar yang lengkap, jadi tak perlu singgah pasar lain." — Rahmah (45), Akauntan	Mencerminkan konsep ekonomi cakupan (economies of scope), iaitu pengguna meminimumkan kos carian dengan membeli di pusat sehati.
5. Kesegaran (203)	"Barang segar di pasar basah lebih berkualiti dan segar berbanding di supermarket." — Hidayah (42), Pentadbir Pejabat	Berfungsi sebagai isyarat kualiti (quality signal) mutlak yang memberikan utiliti fungsian tinggi kepada pengguna.

JADUAL 3. Ekstrak responden faktor frekuensi terendah

Faktor & frekuensi (NVivo)	Ekstrak responden (verbatim)	Analisis ringkas ekonomi (Lensa TCV/NIE)
1. Tempat sosial (14)	"Kita sibuk dan sukar jumpa orang. Jadi, waktu di pasar pagi boleh digunakan untuk berjumpa jiran." — Kumar (65), Pesara	Mewakili Nilai Sosial (VS) <sup>3</sup> . Pasar berfungsi sebagai ruang komuniti yang memupuk modal sosial di kawasan bandar <sup>4</sup> .
2. Pemantauan pegawai (25)	"Mereka datang pantau harga ayam setiap hari supaya peniaga tak jual mahal... yang pakai baju biru tu." — Aziz (45), Juruteknik	Institusi formal yang mencegah kegagalan pasaran seperti pencatatan (profitteering) dan menjamin keyakinan pasaran <sup>6</sup> .
3. Penjimatan (35)	"Bagi saya, ia sangat dekat dengan rumah, jadi dapat jimat masa." — Aini (33), Pengurus	Sebahagian daripada Nilai Kondisional (VC) <sup>8</sup> . Penjimatan di sini merujuk kepada pengurangan kos melepasi masa (opportunity cost of time).
4. Masa operasi (39)	"Pasar awam basah buka awal, sementara hypermarket biasanya lambat... Jadi, orang lebih suka ke pasar awam." — Norazlina (37), Guru	Merupakan kelebihan kompetitif mutlak dalam rantaian bekalan segar yang tidak dapat ditandingi oleh format moden.
5. Budaya & didikan keluarga (43)	"Sejak kecil, saya ikut ibu bapa ke pasar... Kini, saya bawa anak-anak... mereka sudah pandai bezakan ayam segar." — Faizal (54), Pemandu Teksi	Menunjukkan fenomena ketergantungan laluan (path dependency) dan pemindahan modal insan spesifik antara generasi.
6. Tahap pendidikan pengguna (43)	"Semua orang pergi ke pasar awam, walaupun ada PhD orang still pergi sini." — Yusof (57), Pemandu Teksi	Membuktikan PAB bukan barang bawahan (inferior good). Isyarat kualiti (kesegaran) mengatasi faktor status sosial.

## DIMENSI NILAI FUNGSIAN: KECEKAPAN HARGA DAN PENGURANGAN ASIMETRI MAKLUMAT

Faktor Harga (Frekuensi: 289) dan Kualiti/Kesegaran (Frekuensi: >400) mendominasi hierarki keputusan pengguna. Namun demikian, analisis kritikal terhadap data verbatim menunjukkan bahawa utiliti ini bukan sekadar terhasil daripada barang murah, tetapi daripada kecekapan struktur pasaran itu sendiri dalam menyelesaikan masalah maklumat.

### MEKANISME PENEMUAN HARGA (PRICE DISCOVERY) DAN LEBIHAN PENGGUNA

Berbeza dengan pasar raya yang mengamalkan harga tegar (rigid pricing), PAB menawarkan mekanisme harga fleksibel melalui tawar-menawar. Data empirikal menunjukkan pengguna melihat ini sebagai satu bentuk pemeraksanaan ekonomi yang memaksimumkan kuasa beli mereka. Hal ini disahkan oleh Priya (45), iaitu seorang penganalisis kewangan:

"Harga di sini lebih murah berbanding dengan pasar raya kerana mudah untuk tawar-menawar."

Dari sudut ekonomi, kenyataan Priya mencerminkan proses penemuan harga (price discovery) yang efisien. Tawar-menawar boleh menyebabkan berlakunya diskriminasi harga tahap ketiga, iaitu harga disesuaikan mengikut keanjalan permintaan pembeli dan keperluan peniaga untuk penjelasan pasaran (market clearing). Ini akan memaksimumkan lebihan pengguna (consumer surplus) dan mengurangkan kerugian bobot lupus (deadweight loss) sekali gus menjadikan PAB mekanisme pengagihan sumber yang sangat efisien untuk barangan mudah rosak.

## PENYELESAIAN MASALAH *LEMONS* MELALUI ISYARAT FIZIKAL

Menerusi pasaran makanan segar, pengguna berhadapan dengan masalah ketidakpastian kualiti (quality uncertainty). Pasar raya cuba menyelesaikan ini melalui jenama dan pembungkusan. Sebaliknya, PAB menyelesaikan masalah ini melalui ketelusan rantaian bekalan. Faizal berumur 54 tahun dan merupakan seorang pemandu teksi telah menyatakan mengenai rasional ekonominya:

*"Saya ke pasar basah kerana barang segar cepat habis dan akan direstock esoknya."*

Kenyataan ini disokong oleh Hidayah yang berumur 42 dan bekerja sebagai pentadbir pejabat. Beliau membandingkan atribut kualiti secara langsung: *"Barang segar di pasar basah lebih berkualiti dan segar berbanding di supermarket."* Keupayaan pengguna untuk mengesahkan kesegaran secara fizikal dilihat sebagai proses pengesahan kualiti (quality verification) yang mengurangkan asimetri maklumat, sekali gus menidakkan risiko pemilihan sakal (adverse selection), iaitu pembelian produk *lemons* atau rosak yang sering berlaku dalam rantaian bekalan panjang di sesebuah pasar raya.

## DIMENSI EKONOMI INSTITUSI: MODAL SOSIAL DAN PERANAN KERAJAAN

Dapatan kajian mengangkat peranan Ekonomi Institusi Baru (NIE) bagi mengekalkan daya saing PAB. Ini terbukti melalui faktor sikap peniaga (Frekuensi: 262) dan faktor institusi formal seperti pemantauan kerajaan yang sering dianggap remeh, tetapi mempunyai impak signifikan terhadap keyakinan pasaran.

## MODAL SOSIAL SEBAGAI PENGURANG KOS TRANSAKSI

Hubungan peribadi antara peniaga dengan pembeli bukan sekadar interaksi sosial. Ia merupakan kontrak hubungan (relational contract) yang mempunyai nilai ekonomi nyata. Azizah berumur 24 tahun dan merupakan seorang pembantu chef telah menjelaskan mengenai cara atau kaedah hubungan ini diterjemahkan kepada penjimatan kos:

*"Peniaga layan baik bila kenal, panggil nama seperti Uncle Wong. Harga pun diberi lebih murah sebab pelanggan tetap."*

Menerusi kerangka NIE, hubungan "Uncle Wong" ini berfungsi mengurangkan kos transaksi, khususnya kos pencarian (search costs) dan kos penguatkuasaan (enforcement costs). Kepercayaan (trust) pula menggantikan keperluan untuk jaminan formal atau kontrak bertulis. Peniaga tidak akan menipu pelanggan tetap kerana kos kehilangan reputasi dilihat lebih tinggi berbanding dengan keuntungan jangka pendek penipuan. Ini merupakan bentuk kecekapan pasaran yang sukar ditiru oleh pasar raya yang bersifat impersonal seperti yang telah dikatakan oleh Aisyah yang berusia 33 tahun, iaitu

*"Berbeza dengan hypermarket yang tiada layanan")."*

## ISYARAT KUALITI MERENTAS KELAS (CROSS-CLASS QUALITY SIGNALING)

Satu penemuan empirikal yang sangat signifikan ialah profil demografi pengguna yang merentas kelas sosial. Yusof berumur 57 tahun dan merupakan seorang pemandu teksi didapati telah membuat pemerhatian sosiologi yang tajam:

*"Semua orang pergi ke pasar awam, walaupun ada PhD orang still pergi sini."*

Dapatan ini diperkukuh oleh Seng Hock yang berusia 45 tahun dan merupakan seorang akauntan. Beliau menyatakan bahawa *"Kebanyakan golongan, sama ada B40 atau orang atasan, membeli di pasar awam untuk mencari barang terbaik."* Bukti ini menolak hipotesis bahawa PAB merupakan barang bawahan (inferior goods) yang hanya dikonsumsi oleh golongan berpendapatan rendah. Sebaliknya, ia membuktikan bahawa isyarat kualiti (quality signal) di PAB, iaitu kesegaran mutlak dilihat begitu kuat sehingga ia mengatasi faktor status sosial. Bagi golongan berpendidikan tinggi dan berpendapatan tinggi, utiliti yang diperoleh daripada kualiti makanan segar melebihi disutiliti (disutility) daripada persekitaran pasar yang kurang kondusif.

## PERANAN KERAJAAN DALAM MENGAWAL KEGAGALAN PASARAN

Walaupun faktor pemantauan pegawai mempunyai frekuensi yang rendah, ia merupakan faktor kesihatan (hygiene factor) yang kritikal untuk keyakinan pasaran. Aziz berumur 45 tahun dan bertindak sebagai juruteknik telah menyatakan bahawa:

"Mereka [pegawai] datang pantau harga ayam setiap hari supaya peniaga tak jual mahal... okay lah... yang pakai baju biru tu."

Ini menunjukkan bahawa PAB bukanlah pasaran liar, tetapi pasaran yang dikawal selia untuk mencegah kegagalan pasaran seperti kuasa monopoli dan pencatutan (profiteering). Kehadiran penguat kuasa bertindak sebagai institusi formal yang melengkapi institusi tidak formal (kepercayaan) serta mewujudkan ekosistem pasaran yang stabil dan adil.

#### DIMENSI KONDISIONAL: KEBERGANTUNGAN LALUAN DAN ADAPTASI

Analisis terhadap "Budaya dan Didikan Keluarga" mendedahkan tentang fenomena kebergantungan laluan. Faizal berumur 54 tahun telah menyatakan mengenai kesinambungan tradisi ini:

"Sejak kecil, saya ikut ibu bapa ke pasar. Kini, saya bawa anak-anak ke pasar awam dan mereka sudah pandai bezakan ayam segar."

Dari sudut ekonomi tingkah laku (behavioral economics), ini menunjukkan bahawa keutamaan atau kecenderungan (preference) terhadap PAB diwarisi melalui sosialisasi. Kemahiran membeli seperti memilih ayam segar dan menawar harga merupakan Modal Insan Khusus (Specific Human Capital) yang dipindahkan dalam kalangan generasi. Ini mewujudkan kesan tertutup (lock-in effect) yang positif dan memastikan ketegaran permintaan PAB kekal relevan pada masa hadapan walaupun diasak oleh perkembangan proses modenisasi.


#### ADAPTASI TEKNOLOGI MENGURANGKAN GESERAN PASARAN

Walaupun dianggap tradisional, PAB sedang mengalami evolusi teknologi. Yusof yang berusia 57 tahun telah memerhatikan dan mengatakan bahawa: "Di pasar awam, saya perasan beberapa peniaga sudah menggunakan kaedah tanpa tunai." Adaptasi ini mengurangkan kos geseran (cost of friction) dalam transaksi seperti masalah wang kecil. Ini membuktikan bahawa institusi PAB bersifat dinamik dan mampu beradaptasi dengan kejutan luaran seperti pandemik.

#### PERBINCANGAN: MODEL KERELEVANAN BERKEMBAR DALAM DINAMIK PASARAN TRADISIONAL

##### MODEL KERELEVANAN BERKEMBAR & INSTITUSI PAB

Integrasi Teori Nilai Pengguna (TCV) & Ekonomi Institusi Baru (NIE)



Rajah 2: Model Kerelevanan Berkembar dalam Dinamik Pasaran Tradisional

(Nota: Rajah ini menunjukkan interaksi sinergi antara Nilai Fungsian Teras dengan Nilai Sosial Transaksional yang mengekalkan permintaan PAB walaupun terdapat kekurangan dari segi fasiliti fizikal (Nilai Kondisional)

Dapatan kajian ini merumuskan satu sintesis teoritikal yang disebut sebagai Model Kerelevanan Berkembar (Dual Relevance Model). Model ini menyetengahkan mengenai darjah ketegaran permintaan terhadap Pasar Awam Basah (PAB) dalam ekosistem peruncitan moden di Lembah Klang. Ia bukan sekadar ditentukan oleh pemboleh ubah fungsian konvensional, tetapi merupakan manifestasi sinergi antara dua komponen utiliti yang saling melengkapi bagi mengoptimumkan fungsi kebajikan pengguna.

Pertama, kelestarian PAB didokong oleh Tonggak Nilai Fungsian Teras (Hard Utility). Komponen ini mencerminkan rasionaliti ekonomi Orang Ekonomi (Homo Economicus) yang memperlihatkan sensitiviti harga yang kompetitif dan keunggulan kualiti produk segar (kesegaran) telah bertindak sebagai pemacu utama pemilihan premis. Menerusi konteks ini, PAB masih memegang kelebihan kompetitif mutlak (absolute competitive advantage) berbanding dengan format peruncitan moden, khususnya dalam segmen barangan segar yang memerlukan rantai bekalan yang pantas dan fleksibel (Zhong et al. 2020).

Kedua, kekuatan PAB yang unik terletak kepada Tonggak Nilai Sosial Transaksional (Soft Utility). Melalui lensa Ekonomi Institusi Baru (NIE), interaksi sosial yang dikesan dalam analisis NVIVO bukanlah sekadar aktiviti sampingan, tetapi merupakan instrumen ekonomi yang kritikal. Keramahan dan hubungan personal antara peniaga dengan pembeli berfungsi sebagai mekanisme pengurangan kos transaksi. Menerusi pasaran barangan segar yang mempunyai asimetri maklumat yang tinggi (pembeli sukar menentukan kualiti sebenar barangan berbanding dengan penjual), kepercayaan yang terbina melalui interaksi berulang bertindak sebagai kontrak hubungan (relational contract). Kontrak tidak formal ini menjamin kualiti produk dan mengurangkan risiko pembeli terhadap masalah pemilihan sakal (adverse selection), sekali gus meminimumkan kos pemantauan dan pencarian bagi pengguna.

Secara teoritik, Model Kerelevanan Berkembar ini mencadangkan bahawa selagi agregat utiliti daripada komponen Fungsian dan Sosial ini melebihi kos disutiliti yang berpunca daripada Nilai Kondisional (seperti defisit kebersihan dan infrastruktur), PAB akan terus mengekalkan kedudukannya dalam pasaran. Walau bagaimanapun, analisis demografi memberikan isyarat amaran bahawa subsidi silang utiliti ini mempunyai had ambang (threshold limit). Generasi pengguna muda yang mempunyai literasi kesihatan lebih tinggi menunjukkan kecenderungan untuk beralih kepada substitusi moden sekiranya nilai kondisional (sanitasi) merosot ke tahap yang tidak boleh diterima. Oleh itu, relevansi PAB pada masa hadapan sangat bergantung kepada keupayaan pihak berkuasa tempatan untuk mengimbangi pemodenan fizikal tanpa menghakis modal sosial yang menjadi teras ekonomi institusi pasar tersebut.

## IMPLIKASI DASAR DAN CADANGAN STRATEGIK

Dapatan empirikal daripada kajian ini mengemukakan implikasi yang signifikan terhadap formulasi dasar pengurusan ekonomi bandar serta kerangka perancangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Analisis menunjukkan bahawa pendekatan konvensional atau *business as usual* tidak lagi memadai untuk menjamin kelestarian Pasar Awam Bandar (PAB) di tengah-tengah persaingan runcit moden dan perubahan pola penggunaan pascapandemik. Oleh itu, satu anjakan paradigma diperlukan dalam tatakelola PAB, iaitu beralih daripada fungsi penyelenggaraan asas kepada intervensi strategik yang berteraskan inovasi infrastruktur, pemeliharaan modal sosial, dan adaptasi teknologi.

### PENCERGASAN SEMULA (REVITALIZATION) INFRASTRUKTUR BERTERASKAN SMART-HYGIENE

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) disarankan untuk melaksanakan transformasi struktur yang menyeluruh dalam pengurusan fasiliti pasar awam, iaitu beralih daripada pendekatan reaktif yang bersifat rutin dan jangka pendek seperti pembersihan berkala semata-mata kepada pendekatan proaktif yang berasaskan perekayasaan semula (re-engineering) pasar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa isu kebersihan fizikal, khususnya keadaan lantai yang basah dan licin merupakan pemboleh ubah kritikal yang membentuk persepsi negatif pengguna terhadap tahap sanitasi pasar awam, sekali gus menjejaskan utiliti dan kecenderungan penggunaan.

Sehubungan dengan itu, penambahbaikan infrastruktur kritikal perlu dijadikan keutamaan dalam perancangan perbelanjaan modal CAPEX oleh PBT. Ini termasuk penaiktarafan kepada Sistem Lantai Kering (Dry Market Flooring System) yang dilengkapi dengan sistem perparitan berkapasiti tinggi serta pengudaraan mekanikal yang cekap bagi memastikan persekitaran pasar kekal bersih, kering dan selamat. Pendekatan ini selari dengan inisiatif Pasar Sejahtera yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 2021 dengan menekankan kepada piawai reka bentuk dan pengurusan pasar moden bagi menjamin keselesaan, keselamatan dan kebersihan para pengguna.

Dari sudut rasional ekonomi, peningkatan tahap kebersihan pasar awam boleh ditafsirkan sebagai satu bentuk pelaburan strategik dalam modal insan, khususnya melalui pengurangan eksternaliti negatif yang berkaitan dengan risiko kesihatan awam dan kemalangan. Lebih signifikan, penambahbaikan ini berfungsi sebagai mekanisme ekonomi untuk menawan semula segmen pengguna berpendapatan sederhana dan tinggi (M40 dan T20), iaitu kumpulan pengguna yang mempunyai keanjalan (elasticity) permintaan yang tinggi terhadap kualiti persekitaran dan standard kebersihan. Ia sekali gus berpotensi meningkatkan daya saing serta kelestarian jangka panjang Pasar Awam Basah (PAB).

### MODEL TADBIR URUS HIBRID: PEMERKASAAN PERSATUAN PENIAGA

Dapatan kajian menunjukkan bahawa model pengurusan pasar awam yang terlalu berpusat di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berpotensi menghadapi kekangan sumber manusia dan kewangan, di samping ketidakcekapan birokrasi yang menjejaskan keberkesanan operasi harian. Pada masa yang sama, pendekatan penswastan penuh terhadap pengurusan pasar awam sering kali mengakibatkan peningkatan kos sewaan dan fi operasi yang membebaskan peniaga

kecil, sebagaimana yang dapat diperhatikan menerusi beberapa kes kegagalan penswastaan infrastruktur awam di negara membangun.

Sehubungan dengan itu, kajian ini mencadangkan mengenai penerapan pendekatan pengurusan berasaskan komuniti yang diinspirasikan daripada prinsip Pengurusan Sumber Bersama (*Common Pool Resource Management*) yang diketengahkan oleh Elinor Ostrom (1990). Menerusi konteks ini, PBT disarankan untuk mewakili sebahagian tanggungjawab operasi harian pasar, khususnya berkaitan aspek kebersihan dan keselamatan kepada persatuan peniaga yang berfungsi sebagai institusi perantara tempatan. Pendekatan ini berupaya meningkatkan kecekapan operasi melalui pengurangan kos penyelarasan dan pemantauan, di samping memperkukuh tadbir urus institusi pada peringkat akar umbi.

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pengurusan berasaskan komuniti, struktur insentif yang bersesuaian perlu diperkenalkan oleh PBT. Antaranya ialah pemberian pengurangan fi lesen perniagaan atau geran padanan (*matching grants*) kepada persatuan peniaga yang berjaya mengekalkan tahap kebersihan pada gred yang cemerlang. Mekanisme insentif sedemikian berfungsi untuk mewujudkan tekanan rakan sebaya (*peer pressure*) yang positif dalam kalangan peniaga, sekali gus meningkatkan tahap pematuhan terhadap peraturan serta mengurangkan masalah penumpang percuma (*free-rider problem*) dalam penyediaan dan penjagaan kebersihan pasar awam.

Keberkesanan model penglibatan komuniti ini turut disokong oleh bukti empirikal menerusi beberapa kes amalan terbaik, iaitu persatuan peniaga yang diberikan mandat menguruskan kutipan sisa dan aspek keselamatan pasar dilihat menunjukkan perasaan kepunyaan (*sense of belonging*) yang lebih tinggi terhadap fasiliti bersama. Keadaan ini bukan sahaja meningkatkan disiplin pengurusan dan kebersihan, malah menyumbang kepada kelestarian operasi pasar awam dalam jangka panjang melalui pengukuhan modal sosial serta kepercayaan institusi dalam kalangan peniaga dan pihak berkuasa tempatan.

#### PENDIGITALAN HIBRID DAN INKLUSI KEWANGAN

Walaupun PAB berakar umbi dalam tradisi fizikal, kelangsungan ekonominya bergantung kepada keupayaan untuk berintegrasi dengan ekosistem ekonomi digital nasional. Namun demikian, pendigitalan tidak seharusnya menggantikan pengalaman fizikal pasar, sebaliknya melengkapinya secara hibrid.

Pihak pembuat dasar perlu memperluas inisiatif pasar digital (*e-dagang*) yang diintegrasikan dengan perkhidmatan logistik penghantaran setempat, di samping mengekalkan operasi fizikal sedia ada. Selain itu, insentif fiskal atau subsidi peralatan boleh ditawarkan kepada peniaga kecil untuk mengadaptasi terminal pembayaran digital seperti Kod QR dan *e-dompot*.

Pendigitalan hibrid menawarkan dua kelebihan ekonomi utama. Pertama, ia mengurangkan kos operasi berkaitan pengurusan tunai dan risiko kecurian bagi peniaga. Kedua, ia meningkatkan integrasi peniaga sektor informal ke dalam sistem kewangan formal yang memudahkan akses kepada kredit mikro dan bantuan kerajaan. Strategi ini membolehkan PAB beroperasi dalam Model *Omni-channel*, iaitu mereka dapat mengekalkan pelanggan setempat secara fizikal dan dapat menembusi pasaran yang lebih luas melalui platform digital, sekali gus meningkatkan daya saing agregat sektor peruncitan awam.

#### KESIMPULAN

Kajian ini berjaya mengesahkan secara empirikal bahawa ketegaran permintaan terhadap Pasar Awam Basah (PAB) di Lembah Klang merupakan manifestasi rasionaliti ekonomi yang berpaksi kepada struktur utiliti multidimensi. Penemuan ini mencabar tesis pemodenan linear yang meramalkan kepupusan format tradisional. Sebaliknya, PAB terbukti berfungsi sebagai institusi ekonomi yang cekap (*efficient economic institution*) dalam menjamin sekuriti makanan melalui mekanisme harga yang kompetitif dan keunggulan kualiti intrinsik produk. Melalui lensa integratif Teori Nilai Pengguna (TCV) dan Ekonomi Institusi Baru (NIE), kajian ini menyimpulkan bahawa kecenderungan atau keutamaan (*preference*) pengguna terhadap PAB ialah hasil pengoptimuman utiliti marginal yang sofistikated. Pengguna secara sedar melakukan tukar ganti (*trade-off*) antara disutiliti, iaitu daripada aspek kondisional (eksternaliti negatif sanitasi) dengan utiliti tinggi, iaitu daripada komponen fungsian dan sosial. Keunikan PAB terletak kepada keupayaannya mengurangkan asimetri maklumat melalui pembentukan modal sosial transaksional yang bertindak sebagai kontrak hubungan (*relational contracts*), sekali gus mengurangkan kos transaksi yang lazimnya tinggi dalam pasaran barangan segar.

Namun demikian, keseimbangan utiliti ini bersifat dinamik dan diancam oleh evolusi demografi pengguna serta standard kesihatan awam yang semakin ketat. Implikasi dasar kajian ini menekankan keperluan intervensi strategik kerajaan untuk menangani kegagalan pasaran dalam penyediaan barangan awam, khususnya infrastruktur sanitasi dan kebersihan. Sebarang usaha transformasi fizikal oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mestilah bersifat inklusif bagi mengelakkan berlakunya pemindahan institusi (*institutional displacement*), iaitu kehilangan elemen modal sosial yang menjadi teras daya saing PAB.

Secara tuntasnya, kelestarian PAB dalam ekosistem peruncitan di Malaysia bergantung kepada keupayaan pemegang taruh untuk mensintesis tradisi dengan pemodenan. Masa depan PAB bukan terletak kepada persaingan langsung dengan pasar raya, tetapi dalam memperkukuh identitinya sebagai hab komuniti yang menawarkan nilai kesegaran dan kemanusiaan yang tidak dapat ditiru oleh algoritma atau rantaian bekalan industri. Hanya menerusi pendekatan hibrid yang

menggabungkan kecekapan operasi moden dengan jiwa sosial tradisional, PAB akan terus kekal relevan sebagai nadi sosioekonomi negara.

#### RUJUKAN

- Akerlof, G.A. 1970. The market for "lemons": Quality uncertainty and the market mechanism. *The Quarterly Journal of Economics* 84(3): 488-500.
- Al-Hafiz, M., Saharuddin, A.S., Tazilan, M., Wafiy, A., Kamal, H. & Zbiec, M. 2022. Kepentingan peranan pasar tradisi dalam konteks bandar warisan. *Jurnal Kajian Seni* 11(1): 106–118.
- Anku, E.K. & Ahorbo, G.K. 2017. Conflict between supermarkets and wet markets in Ghana: Early warning signals and preventive policy recommendations. *International Journal of Business and Social Research* 7(10): 1–17.
- Bougoure, U. & Lee, B. 2009. Service quality in Hong Kong: Wet markets vs supermarkets. *British Food Journal* 111(1): 70–79.
- Chamhuri, N. & Batt, P.J. 2013. Segmentation of Malaysian shoppers by store choice behaviour in their purchase of fresh meat and fresh produce. *Journal of Retailing and Consumer Services* 20(6): 516–528.
- Chamhuri, N. & Batt, P.J. 2015. Consumer perceptions of food quality in Malaysia. *British Food Journal* 117(3): 1168–1187.
- Chung, J.F. & Al-Khaled, A.A.S. 2021. Factors affecting online purchase intention of Gen Y in Klang Valley, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(4): 983–1034.
- Gindi, A.A., Abdullah, A.M., Ismail, M.M. & Nawawi, N.M. 2016. Shopping drivers of generational cohorts: A comparison between night market and wet market formats. *Australasian Marketing Journal* 24(2): 165–170.
- Goldman, A., Krider, R. & Ramaswami, S. 1999. The persistent competitive advantage of traditional food retailers in Asia: Wet markets' continued dominance in Hong Kong. *Journal of Macromarketing* 19(2): 126–139.
- Gorton, M., Sauer, J. & Supatpongkul, P. 2011. Wet markets, supermarkets and the "big middle" for food retailing in developing countries: Evidence from Thailand. *World Development* 39(9): 1624–1637.
- Gu, Y. & Rodd, R. 2022. Culinary art, political theater, and COVID-19 policy: An ethnographic study of a live poultry stall in Wuxi. *Culture, Agriculture, Food and Environment* 44(2): 151–158.
- Guest, G., Bunce, A. & Johnson, L. 2006. How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability. *Field Methods* 18(1): 59-82.
- Ha, T.M., Hansson, H., Abu Hatab, A., Darr, D. & Shakur, S. 2022. A risk-benefit approach to the purchase and consumption of conventional vegetables in wet markets. *Appetite* 176.
- Hua, Z., Ang, L.H., Mansor, N.S. & Lam, K.C. 2023. Nomenclature of Chinese street food names in Malaysia: A scalar analysis. *SAGE Open* 13(4).
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). 2024. *Laporan Indeks Harga Pengguna & Prestasi Perdagangan Borong & Runcit*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kartikasari, R.D., Irham, I. & Mulyo, J.H. 2019. Level of customer satisfaction towards marketing mix in Indonesian traditional market. *Agro Ekonomi* 29(2): 218–228.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2024. *Belanjawan 2025: Memperkasa Ekonomi MADANI*. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). 2021. *Garis Panduan Pasar Sejahtera di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan*. Putrajaya: KPKT.
- Maisarah Abdul Halim, Nur Aulia Rosni, & Teh Bor Tsong. 2023. Conceptual framework for maximizing service catchment area between rail transit and feeder service using spatial temporal regression technique. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* 1240(1).
- Maisel, J., Ranahan, M. & Choi, J. 2021. Factors influencing fixed-route transit decision-making: Exploring differences by disability and community type. *Journal of Public Transportation* 23(1).
- Mohd Ali, N., Syed Salim, S. M., Mansur, M. & Shahiri, H.I. 2024. Moral hazard behaviors and mitigation strategies: A systematic review. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 58(1): 1-19.
- Mohd-Qawiem, F., Nur-Fazila, S.H., Ain-Fatin, R., Yong, Q.H., Nur-Mahiza, M.I. & Yasmin, A.R. 2022. Detection of zoonotic-borne parasites in *Rattus* spp. in Klang Valley, Malaysia. *Veterinary World* 15(4): 1006–1014.
- Ngan, W.Y., Rao, S., Chan, L.C., Sekoai, P.T., Pu, Y., Yao, Y., Fung, A.H.Y. & Habimana, O. 2020. Impacts of wet market modernization levels and hygiene practices on the microbiome and microbial safety of wooden cutting boards in Hong Kong. *Microorganisms* 8(12).
- Ostrom, E. 1990. *Governing the Commons: The Evolution of Institutions for Collective Action*. Cambridge University Press.
- Sekoai, P.T., Feng, S., Zhou, W., Ngan, W.Y., Pu, Y., Yao, Y., Pan, J. & Habimana, O. 2020. Insights into the microbiological safety of wooden cutting boards used for meat processing in Hong Kong's wet markets. *Microorganisms* 8(4).
- Sharif, M.S.M., Nor, N.M., Zahari, M.S.M. & Muhammad, R. 2015. Following mothers to the wet market: The significant benefits gained by young generations. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 170: 197–205.

- Sheth, J.N., Newman, B.I. & Gross, B.L. 1991. Why we buy what we buy: A theory of consumption values. *Journal of Business Research* 22(2): 159–170.
- Tanrikulu, C. 2021. Theory of consumption values in consumer behavior research: A review and future research agenda. *International Journal of Consumer Studies* 45(6): 1176–1197.
- Uchiyama, Y., Furuoka, F. & Md. Akhir, M.N. 2022. Gig workers, social protection and labour market inequality: Lessons from malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 56(3): 165-184.
- Wibowo, A.A. & Istiqomah, I. 2018. The consumers' perception and frequency of visit before and after wet market revitalization. *Jurnal Bina Praja* 10(2): 183–193.
- Zhong, S., Crang, M. & Zeng, G. 2020. Constructing freshness: The vitality of wet markets in urban China. *Agriculture and Human Values* 37(1): 175–185.

Muhammad Izrin Mazlan  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: muhdizrain@gmail.com

Norain Mod Asri\*  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: norain@ukm.edu.my

Adlin Nur Sofiya  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: a187036@siswa.ukm.edu.my

Azrina Abdullah Al-Hadi  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: azrna@ukm.edu.my

Norshamliza Chamhuri  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: shamliza@ukm.edu.my

\*Penulis koresponden